

# Penduduk Riau lebih mengenali Dr. Mahathir dari Suharto?

Berita asal dari Arkib

Oleh JAMAL AN Negara Malaysia

JAKARTA, Sabtu — Ramal penduduk di kepulauan Riau lebih mengenali wajah para pemimpin Malaysia dan Singapura melalui televisyen, dari para pemimpin Indonesia sendiri. Demikian Ahli Parlimen kawasan Riau, Dr. Maridin Arbis, menyatakan.

Belliau yang menghadiri sidang parlimen memberitahu para wartawan, mereka kenal wajah Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew.

Selain itu, anak-anak tahu lagu kebangsaan Malaysia dan Singapura serta lebih arif dengan mata wang Singapura dari rupiah.

Menurut belliau ramal penduduk di kepulauan Riau lebih tahu tentang negara jiran dari negaranya sendiri. Ini kerana kurangnya kemudahan rangkaian televisyen untuk penduduk di setengah pulau di situ.

Usaha mengadakan kemudahan sarana komunikasi dan rangkaian TV tegasnya perlu dipertingkatkan lagi di kawasan kepulauan Riau.

Di sebahagian pulau daerah Riau masih menerima dollar Singapura dan ringgit Malaysia dalam urusan dagangan mereka. — Bernama.